

## SISTEM NOMBOR LALUAN JALAN

E2

**NO. LALUAN LEBUHRAYA**

 5	NO. LALUAN JALAN PERSEKUTUAN UTAMA (001-999)
 24	NO. LALUAN JALAN PERSEKUTUAN FELDA (1000-1999)
 1123	NO. LALUAN JALAN PERSEKUTUAN INDUSTRI (3000-3999)
 3241	NO. LALUAN JALAN PERSEKUTUAN INDUSTRI (3000-3999)


NO. LALUAN JALAN NEGERI	 D11 NO. LALUAN JALAN NEGERI KELANTAN
NO. LALUAN JALAN NEGERI	 A22 NO. LALUAN JALAN NEGERI PERAK
NO. LALUAN JALAN NEGERI	 R15 NO. LALUAN JALAN NEGERI PERLIS

**CATATAN:** 1. NO. LALUAN JALAN NEGERI DIDAHULUI DENGAN ALPHABET PERTAMA PENDAFTARAN KENDERAAN NEGERI BERKAITAN

CONTOH: D11  
D - NEGERI KELANTAN  
11- NO LALUAN JALAN NEGERI DI NEGERI KELANTAN

2. NO. LALUAN LEBUHRAYA DIDAHULUI DENGAN HANYA ALPHABET "E" SAHAJA


## JALAN PERSEKUTUAN UTAMA DI MALAYSIA




## PAPAN TANDA KM ("Kilometre Post")

- Dipasang di sepanjang Jalan Persekutuan dan jalan Negeri untuk tujuan penyenggaraan / rujukan ("referencing")
  - Terdapat dua (2) jenis

#### **1. TIANG KM JENIS A - dipasang setiap jarak 5 km**



## **2. TIANG KM JENIS B - dipasang setiap jarak 1 km**



## PENANDA SEKSYEN LEBUHRAYA ("Section Markers")



- Dipasang untuk rujukan lokasi di sepanjang lebuhraya
  - Memudahkan penandaan kawasan berbahaya dan juga bagi tujuan penyenggaraan
  - Dipasang pada setiap jarak 100m di sepanjang lebuhraya
  - Pada setiap jarak 1 km, Nombor Laluan Jalan akan ditulisi di Penanda Seksyen

# MAKLUMAT MENGENAI PAPAN TANDA ARAH, DESTINASI dan NOMBOR LALUAN JALAN RAYA MALAYSIA



# SISTEM NOMBOR LALUAN JALAN DAN PAPAN TANDA

## Tujuan

Memberi penerangan kepada pengguna jalanraya mengenai maklumat laluan jalanraya dan papan tanda yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Jalanraya di Malaysia

## Kategori Jalanraya

Jalanraya di Malaysia terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Lain-lain Jalan

## Kuasa & Tanggungjawab

Tertakluk kepada kategori jalan raya, dibawah Akta 333, Akta Pengangkutan Jalan 1987 Klause 67. Pengurusan jalanraya telah dipertanggung-jawabkan kepada:

- Menteri Kerja Raya
- Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
- Kerajaan Negeri dan
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

## SISTEM NOMBOR LALUAN JALANRAYA PERSEKUTUAN

### Jalanraya di bawah pentadbiran LLM

E1

Setiap laluan jalan dimulai dengan huruf "E" dan diikuti dengan nombor laluan jalan

### Jalanraya dibawah pentadbiran JKR Persekutuan

1

Setiap laluan jalanraya diberi nombor laluan dari 1 hingga 9999 bergantung kepada kategori jalanraya Persekutuan

## SISTEM NOMBOR LALUAN JALANRAYA NEGERI

### Jalanraya dibawah pentadbiran JKR Negeri

B 11

Setiap laluan jalan dimulai dengan alphabet yang ditentukan dan diikuti dengan nombor laluan jalan.

\* Sila rujuk catatan sistem nombor laluan jalan

## PAPAN TANDA ("Signs Board")

Papan tanda disediakan untuk memberi panduan kepada pengguna jalanraya menuju ke sesuatu destinasi dengan cara paling dekat dan mudah

### Jenis – Jenis Papan Tanda

- Papan Tanda Destinasi
- Papan Tanda Arah
- Papan Tanda Jarak
- Papan Tanda Keterangan
- Papan Tanda Nombor Laluan Jalan
- Papan Tanda Kilometer
- Papan Tanda Seksyen

## PAPAN TANDA DESTINASI ("Destination Signs")

- Untuk memberi isyarat awal/ masa yang mencukupi kepada pemandu untuk masuk ke laluan bersesuaian sebelum tiba di jalan keluar atau persimpangan.
- Diletakkan antara 500 hingga 1000 meter sebelum tiba jalan keluar atau persimpangan



## PAPAN TANDA ARAH ("Directional Signs")

- Diletakkan di antara 100 hingga 150 m sebelum tiba persimpangan utama atau sebelum persimpangan menuju ke jalan utama.
- Dibina dalam bentuk "stack" (di mana "arrow" menunjukkan arah destinasi) atau "map" (biasanya digunakan untuk "roundabouts" dan persimpangan / "interchanges" yang kompleks)



## PAPAN TANDA JARAK ("Distance Signs")

- Diletakkan selepas sesuatu persimpangan atau "interchange"

- Kebiasaanya Papan Tanda Jarak diletakkan di lokasi berikut:

- 200 m dari "turning roadway" atau 150 m selepas "acceleration lane"
- Di sempadan antara daerah atau 100m melepas sempadan daerah.
- Setiap jarak 20 km sepanjang jalan

1

Rembau	25 km
Tampin	76 km
Gemas	101 km

## PAPAN TANDA KETERANGAN ("Information Signs")

	KAWASAN REHAT AYER KEROH	5 km
	RESTORAN JEJANTAS AYER KEROH	10 km
	HENTIAN SEBELAH PEDAS LINGGI	25 km

- Memberitahu pemandu/ pengguna jalanraya sesuatu tempat, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan dan lain-lain.
- Disediakan samada dalam bentuk simbol atau perkataan.
- Kebiasaanya diletakkan di lokasi berikut: Lokasi papan tanda mengikut keperluan

## PAPAN TANDA NOMBOR LALUAN JALAN PERSEKUTUAN ("Route Number Markers")

26

- Dipasang / diletak di semua papan tanda jarak dan tiang km di sepanjang jalan